

Potensi majukan industri akuakultur

Pulau Pinang kini sumbang lebih 1.6 bilion berbanding negeri lain

MOHAMAD FAKHRI MOHD ALI

GEORGETOWN



Tze Tzin (dua, kiri) melihat keadaan ikan yang dternak dalam sangkar.



ROSMAN

Menurutnya, kebanyakan bot tuna akan mendarat di Pulau Pinang kerana mempunyai pelbagai kemudahan dan capaian yang lebih dekat. "Langkawi pun ada kawasan pendaratan ikan tuna, tapi sambutanannya kurang. Di sini (Pulau Pinang) lebih mudah sebab capaian ke lapangan terbang lebih dekat," katanya.

Berdasarkan statistik, jumlah pendaratan ikan marin di Pulau Pinang pada 2014 adalah sebanyak 45,880 tan metrik dan 2017 sebanyak 51,184.65 tan metrik.

"Pulau Pinang adalah salah satu negeri pengeluar akuakultur, terutama dari sangkar laut," katanya.

Kolaborasi majukan industri

Sementara itu, kolaborasi antara pengusaha ternakan ikan dalam sangkar dengan Jabatan Perikanan perlu diwujudkan bagi memastikan jaminan terhadap industri akuakultur.

Wakil pengusaha ternakan ikan dalam sangkar di perairan Pulau Jerejak, Rosman Hamid berkata, ia kerana industri akuakultur sangat berpotensi tinggi.

"Pada pendapat saya, untuk memajukan industri ini paling penting adalah kolaborasi antara pengusaha dengan kerajaan ataupun Jabatan Perikanan.

"Untuk kami bergerak sendiri itu memang agak susah dan untuk kerajaan menggalakkan pun kalau tiada sambutan pun susah.

"Jadi kolaborasi antara kedua-dua pihak sangat penting untuk memajukan lagi industri akuakultur di Malaysia," katanya kepada Sinar Harian, semalam.

Menurutnya, industri akuakultur mampu berkembang pesat kerana ia sangat berpotensi tinggi dan mendapat permintaan ramai.

"Industri ini memiliki peluang sangat tinggi sebab ini adalah sektor industri pemakanan yang diperlukan di seluruh negara," katanya.

nya mencapai 100 peratus dan boleh eksport ke negara lain.

"Ini adalah kekayaan baru untuk orang Pulau Pinang. Kalau tidak percaya, boleh jadi kaya melalui industri ini, boleh tanya pengusaha yang sedia ada.

"Sekarang kita harus fikir bagaimana nak maju ke depan. Kita tahu bahawa ada isu-isu yang berbangkit, tapi kita akan cuba atasi sebaik mungkin," katanya.

Jelasnya, Pulau Pinang wajar mencontohi pendekatan yang dilaksanakan China untuk memajukan lagi bidang akuakultur di laut dalam.

"Duta Besar China ada jumpa saya dan bagi tahu di China mereka telah maju dalam bidang akuakultur di laut dalam.

"Mereka sedia kongsi pengalaman dan teknologi itu dengan kita. Mungkin kita boleh bawa wakil industri akuakultur ke sana untuk belajar kaedah digunakan," katanya.

Diwartakan pusat pendaratan tuna

Sementara itu, Pelabuhan Pulau Pinang kini diwartakan sebagai pusat pendaratan ikan tuna pertama di Malaysia.

Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pembangunan), Tan Geik Hong berkata, pendaratan ikan tuna dari Indian Ocean semakin meningkat setiap tahun.

Di samping itu, jumlah pendaratan ikan marin di Pulau Pinang juga dijangka akan meningkat tahun ini.

"Dari segi akuakultur, Pulau Pinang mempunyai ternakan ikan dalam sangkar yang mana pengeluaran pada 2017 adalah 43,200 tan metrik dengan melibatkan 411 penternak.

"Industri akuakultur ini boleh meningkatkan SSL kita dari segi pengeluaran ikan, tambahan pula dengan adanya pendaratan ikan tuna," katanya.



Dari segi akuakultur, Pulau Pinang mempunyai ternakan ikan dalam sangkar yang mana pengeluaran pada 2017 adalah 43,200 tan metrik dengan melibatkan 411 penternak."

- Geik Hong

Keadaan salah satu ternakan ikan dalam sangkar di perairan Pulau Jerejak.

